



HEBAHAN PROGRAM “MOH NGAYOH KOME”



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh & Salam Sejahtera.

Ayuh warga Perak dan seluruh komuniti untuk bersama-sama memeriahkan Program “MOH NGAYOH KOME” yang dianjurkan sempena **Mosque Open Day & Maulidur Rasul 2026**.

Program ini merupakan aktiviti kayuhan santai yang menggabungkan elemen **riadah, ukhuwah dan kunjungan ke masjid**, sambil menikmati suasana serta keunikan lokasi sepanjang laluan yang telah ditetapkan.



Tarikh: 13 September 2026 (Ahad)



Masa: Bermula 7.30 pagi



Tempat Mula & Tamat: Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak)



LALUAN KAYUHAN

Peserta akan melalui beberapa checkpoint menarik:



Checkpoint 1: Masjid Negeri Perak



Checkpoint 2: Masjid India



Checkpoint 3: Masjid Cina



Checkpoint 4: Gunung Lang



Nota: Basikal tidak disediakan. Peserta hendaklah membawa basikal sendiri.



PENDAFTARAN

Pendaftaran boleh dibuat dengan **mengimbas Kod QR** yang tertera pada poster.



Sebarang pertanyaan & urusan pendaftaran:

Ustaz Azim: 016-732 5035

Ustaz Hasif: 013-598 5727

Jangan lepaskan peluang untuk beriadah sambil mengeratkan silaturahim dan mengimarahkan masjid bersama-sama.



MOH NGAYOH KOME!



Kayuh bersama, eratkan ukhuwah!



Semarakkan **Mosque Open Day & Maulidur Rasul 2026!**



MASJID SULTAN IDRIS SHAH II
MASJID NEGERI PERAK

Moh Ngayoh Kome!!



Sila imbas Kod QR untuk
pendaftaran

CHECKPOINT 1

MASJID
NEGERI PERAK



CHECKPOINT 2

MASJID
INDIA



CHECKPOINT 3

MASJID
CINA



CHECKPOINT 4

GUNUNG
LANG



**Basikal Tidak Disediakan*

MOSQUE 20
OPEN DAY 26
MAULIDUR RASUL

UNTUK PENDAFTARAN, BOLEH HUBUNGI:



016 - 732 5035 (UST AZIM)
013 - 598 5727 (UST HASIF)

Masjid Sultan Idris Shah II
(Masjid Negeri Perak)

13 September 2026 (Ahad)
Bermula 7.30 Pagi

Rakan Strategik Utama:



Dengan Kerjasama:





Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“MENGURUS EKONOMI NEGARA – MENGAMBIL IKTIBAR SURAH YUSUF”

4 September 2026 / 22 Rabiulawal 1448

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا³ اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ³ وَالْإِيَّايِ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan terletak pada ketakwaannya, kerana takwa ialah sebaik-baik bekalan menuju akhirat. Ketakwaan bukan sahaja terserlah melalui ibadah-ibadah solat, zakat, puasa, haji, wakaf dan sedekah, malah turut dizahirkan melalui cara kita mengurus ekonomi dalam kehidupan harian. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

“MENGURUS EKONOMI NEGARA - MENGAMBIL IKTIBAR SURAH YUSUF”

Kisah Nabi Yusuf AS bukan sekadar kisah kesabaran seorang insan yang diuji dengan pengkhianatan saudara atau dipenjarakan akibat fitnah. Lebih daripada itu, Surah Yusuf memberikan pengajaran akan peranan bersepadu iman, ilmu, amanah, kepakaran dan perancangan dalam pengurusan ekonomi negara; dan merupakan asas penting ketika mengurus kehidupan masyarakat dan negara.

Allah SWT merakamkan ucapan Nabi Yusuf AS melalui firman Nya:

﴿قَالَ اجْعَلْنِي عَلَى خَزَائِنِ الْأَرْضِ إِنِّي حَفِيظٌ عَلَيْمُ﴾

¹ Memuji Allah SWT

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

Maksudnya: Yusuf berkata, "Jadikanlah aku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir), sesungguhnya aku bersedia menjaganya dengan sebaik-baiknya dan mengetahui cara mentadbirnya." (Surah Yusuf, ayat 55)

Al-Quran menceritakan, setelah keluar dari penjara, Nabi Yusuf AS menawarkan dirinya untuk mengurus perbendaharaan Mesir. Peristiwa tersebut berlaku selepas Baginda mentafsir mimpi Raja Mesir. Nabi Yusuf AS memaklumkan, Mesir akan melalui tujuh tahun yang subur, diikuti tujuh tahun yang sangat sukar, kemudian datang pula tahun yang dilimpahi hujan lalu hasil tanaman kembali pulih.

Renungkan bagaimana Nabi Yusuf AS menghadapi ancaman kemarau. Baginda tidak menunggu musibah berlaku; tetapi mengenal pasti ketidakpastian, membuat unjuran, merancang simpanan makanan dan mengurus sumber secara berperingkat.

Inilah antara prinsip penting yang boleh dijadikan pedoman untuk menangani isu jaminan bekalan makanan. Ketika hasil makanan banyak, sebahagiannya perlu diurus dan disimpan dengan baik untuk menghadapi kemungkinan berlakunya kekurangan pada masa hadapan.

Al-Quran merakamkan dalam Surah Yusuf, ayat 47:

Maksudnya: Yusuf berkata, "hendaklah kamu bersungguh-sungguh bercucuk tanam tujuh tahun berturut-turut. Kemudian, apa-apa yang kamu tuai hendaklah kamu biarkan pada tangkainya kecuali sedikit sahaja untuk kamu makan."

Ayat yang menunjukkan bahawa pengurusan ekonomi yang baik memerlukan jangkaan masa hadapan berserta perancangan jangka panjang, bukannya bertindak setelah kegawatan berlaku.

Jemaah Rahimakumullah,

Kisah Nabi Yusuf AS menunjukkan kegawatan telah ditafsirkan sebagai cabaran untuk memperbaiki sistem ekonomi yang diurus berteraskan ilmu, amanah dan perancangan yang tepat. Ketika negara menghadapi kemarau, Nabi Yusuf AS tidak sekadar mengurus bekalan makanan, tetapi melalui sistem yang dirancang, Mesir berupaya menghadapi tujuh tahun kemarau; di samping turut membantu mengatasi kesukaran yang dihadapi oleh masyarakat dari kawasan sekitarnya.

Sedarilah! Kekuatan ekonomi sesebuah negara tidak hanya bergantung kepada tahap kekayaannya, tetapi lebih dipengaruhi oleh kebijaksanaan dan kecekapan mengurus kekayaan. Ekonomi yang kukuh hendaklah berteraskan amanah. Perbendaharaan negara bukan milik peribadi seseorang, tetapi amanah yang akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT. Setiap peruntukan, setiap sumber dan setiap keputusan hendaklah dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab, bebas daripada rasuah, penyelewengan, pembaziran dan kepentingan peribadi.

Mimbar mengutarakan empat perkara berikut:

Pertama: Pentingnya pemimpin yang amanah dan berilmu.

Kisah Nabi Yusuf AS memberikan pelajaran bahawa pengurusan ekonomi negara hendaklah diserahkan kepada individu yang amanah dan berilmu. Sifat *ḥafīẓ* mencerminkan amanah, manakala *‘alīm* menunjukkan ilmu. Amanah tanpa ilmu boleh melemahkan pengurusan, manakala ilmu tanpa amanah membuka ruang penyalahgunaan kuasa. Dbolehkan seseorang untuk menawarkan diri mengambil tanggungjawab kepimpinan, malah menjadi suatu tuntutan, apabila dia mempunyai kelayakan dan keupayaan untuk menangani kemaslahatan ummah dan negara.

Kedua: Perancangan ekonomi yang menyeluruh dan bersepadu.

Nabi Yusuf AS merangka pengurusan ekonomi secara bijaksana. Baginda mencadangkan hasil pertanian diurus dan disimpan dengan baik. Pendekatan ini menekankan perancangan pengeluaran, penyimpanan dan penggunaan sumber

secara berhemah bagi menjamin kestabilan ekonomi ketika menghadapi kesukaran.

Ketiga: Beringat sebelum musibah berlaku.

Kisah Nabi Yusuf AS mengajar prinsip beringat sebelum musibah berlaku melalui persediaan awal ketika negara berada dalam keadaan makmur. Lebihan hasil disimpan untuk menghadapi musim kesukaran. Prinsip perancangan dan pengurusan ekonomi yang bijaksana dapat diterapkan dalam suasana semasa, melalui penyimpanan bekalan makanan, pengukuhan sektor pertanian, mempelbagaikan sumber ekonomi serta persediaan menghadapi gangguan bekalan agar negara lebih berdaya tahan menghadapi kegawatan ekonomi.

Keempat: Masyarakat berhemat.

Masyarakat turut berperanan memakmurkan ekonomi negara dengan mengamalkan sikap berhati-hati, bijaksana dan tidak membazir menggunakan wang, sumber serta kemudahan yang ada; berbelanja mengikut keperluan dan kemampuan, mengurus sumber secara cekap, membuat pertimbangan yang teliti sebelum berbelanja serta memikirkan kepentingan masa hadapan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbulalamin! Makmurkanlah negara kami dengan pertumbuhan ekonomi yang seimbang, pengurusan sumber secara amanah dan pengagihan kekayaan secara adil. Kukuhkanlah bidang pengeluaran dan perdagangan, luaskanlah peluang pekerjaan; pelihara negara kami daripada kemelesetan dan kegawatan ekonomi.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

Ya Malikul Mulk! Kurniai kami pemimpin yang baik, serta dikelilingi oleh penasihat yang jujur, amanah dan berani mengingatkan apabila tersilap. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.